| Headline | TNB labur 30 peratus pegangan dalam GEL | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Harian Metro | | |
| Date | 10 May 2016 | Language | Malay |
| Circulation | 1,270,667 | Readership | 3,812,000 |
| Section | Bisnes | Page No | 45 |
| ArticleSize | 57 cm² | Journalist | N/A |
| PR Value | RM 3,946 | | |
| | | | |



# TNB labur 30% pegangan dalam GEL

Tenaga Nasional Berhad (TNB) mengumumkan pembabitannya dalam sektor tenaga di India selepas menandatangani Persetujuan Langganan (SA) dan Persetujuan Pemegang Saham (SHA) untuk melabur 30 peratus pegangan dalam GMR Energy Limited (GEL) pada harga AS$300 juta.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Ir Azman Mohd berkata, kerjasama itu dijangka dapat memberikan manfaat kepada TNB melalui potensi pertumbuhan jangka panjang khususnya dari aspek penggunaan elektrik.

Beliau berkata, transaksi berkenaan dijangka selesai dalam tempoh tiga hingga enam bulan akan datang. Perjanjian berkenaan juga akan memungkinkan TNB menjalin kerjasama dengan GMR Infrastructure Limited (GIL), konglomerat infrastruktur terbesar di India.

GEL yang juga anak syarikat GIL, memiliki lima portfolio berkaitan tenaga termasuk arang batu, gas dan tenaga diperbaharui dengan jumlah kapasiti mencecah 4,630MW.

Powered by: iSENTIA